

**Pilih Parti Martabatkan Islam - PM
mStar Online
Februari 20, 2012
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

KUALA LUMPUR: Umat Islam di negara ini disaran memilih pemimpin dan parti politik yang benar-benar dapat memartabat dan menjamin kesucian agama Islam, kata Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Selain itu Perdana Menteri berkata, umat Islam kini berada dalam persimpangan untuk memilih parti politik yang boleh memberi jaminan bahawa mereka tidak akan menggadaikan Islam dan seterusnya menguntungkan pihak lain.

"Kalau orang Cina sudah ada debat mengenai political crossroads (persimpangan politik), saya kira orang Islam pun ada persimpangan juga.

"Kita nak pilih yang mana satu? Yang kita mesti pilih itu ialah siapa yang dapat memberi jaminan untuk memelihara serta memartabatkan kesucian agama Islam," katanya ketika berucap pada majlis Himpunan Ulama, Cendekiawan Islam dan Penulis Maya Kebangsaan di sini, Ahad.

Dalam pada itu Najib juga mengingatkan kepada umat Islam agar tidak terpedaya memilih pembangkang kerana gabungan mereka tidak mempunyai persefahaman dalam pelbagai perkara.

Tanpa menyebut mana-mana komponen parti pembangkang tertentu Najib berkata, undi yang diberikan kepada parti pembangkang tersebut sebenarnya hanya akan menguntungkan parti lain yang lebih dominan dalam pakatan pembangkang.

"Bila ada parti politik sudah tidur sebantol dengan parti politik yang lain, walaupun mimpi mereka lain-lain...tapi mereka sudah berkhawat, sudah tidur dalam satu bilik, tidur atas satu bantal.

"Jadi bila kita undi parti itu, yang untung orang yang tidur sebantol dengan dia. Kesimpulannya undi untuk puak ini kesudahannya akan menguntungkan orang yang dia tidur bersama itu," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/2/20/mstar_berita/20120219144110&sec=mstar_berita